

Tumpu kepada persiapan pilihanraya

# Umno mesti elak perpecahan: PM

BALIK PULAU, Ahad — Umno tidak boleh dibiarkan berpecah sekali lagi, khususnya dalam tempoh beberapa bulan akan datang, kerana ini akan menjiskan persediaan menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sekiranya perpecahan berlaku juga dalam tempoh itu, alamat parti itu tidak akan dapat menghadapi pilihanraya dengan berkesan dan ini akan membawa kesan buruk kepada negara dan rakyat, khususnya orang Melayu.

Beliau berkata, dengan ancaman yang dihadapi, khususnya daripada kumpulan serpihan yang bermati-matian untuk menjatuhkan Umno, ahli Umno harus terlebih dahulu memastikan Umno benar-benar kuat sebelum boleh menghadapi pilihanraya.

"Ini boleh kita lakukan dengan mengelakkan perbuatan yang mendorong ke arah perpecahan, seperti memfitnah, menghasut, menggunakan politik wang dan perebutan jawatan dalam semua peringkat," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Balik Pulau di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Naib Presiden Umno, Encik Anwar Ibrahim dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi serta Timbalan Menteri Kesihatan, Senator Mohd Farid Ariffin. Seramai 153 wakil daripada 33 cawangan menghadiri persidangan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno sebenarnya baru pulih daripada sakit setelah diisytiharkan tidak sah pada 1987. Oleh itu, setiap ahli hendaklah berusaha menjauhi penyakit itu kerana jika dijangkiti lagi, Umno kali ini mungkin tidak ada harapan untuk pulih terus.

Beliau mengingatkan ahli Umno bahawa sudah ada pakatan untuk menubuhkan kerajaan baru di kalangan pihak tertentu, khususnya kumpulan serpihan dan beberapa parti pembangkang.

Oleh SHAHARUDIN LATIF

Katanya, kumpulan serpihan yang lebih tepat dipanggil Kumpulan Kecewa 87, sanggup melakukan apa saja untuk memastikan kekalahan Umno dalam pilihanraya akan datang.

Sementara itu, ketika merasmikan persidangan perwakilan serentak semua tujuh bahagian Umno di Wilayah Persekutuan, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ahli Umno hendaklah mengutamakan perpaduan dengan membanteras perbuatan yang tidak sihat daripada menular ke dalam parti.

Katanya, masa untuk ahli Umno bertanding masih banyak dan ini boleh dilakukan selepas pilihanraya kerana kemenangan dalam pilihanraya adalah penting.

## Perpaduan kaum

Beliau berkata, mereka perlu mengambil kira soal kedudukan negara ini yang mempunyai pelbagai kaum manakala perpaduan di kalangan orang Melayu di kawasan tertentu pula berpecah dua atau tiga yang memungkinan parti pembangkang boleh menang.

"Kita perlu disiplinkan diri supaya matlamat perjuangan parti iaitu memperbaiki kedudukan orang Melayu tercapai dan ini dilakukan tanpa menjejaskan kepentingan kaum lain," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, yakin pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir akan terus memegang tampuk kerajaan negara ini berikutan sokongan rakyat.

Beliau, Yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, berkata Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan akan mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa bahagian untuk

membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk.

Di Arau (Perlis), Datuk Seri Dr Mahathir menggesa supaya semua ahli Umno menyokong pemimpin bahagian masing-masing yang dilantik tanpa mengira sama ada mereka suka atau tidak kepada tokoh-tokoh itu.

Beliau berkata, apa yang penting selepas setiap proses pemilihan ialah mereka perlu bertindak merapatkan balik barisan dan bergerak sebagai sebuah parti yang bersatu padu dengan segera.

"Kalau pemimpin yang terpilih itu menyeleweng, nasihatkan mereka dan kalau mereka benar sokonglah serta berdiri teguh di belakang mereka," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Umno bahagian Arau, hari ini.

"Anggaplah Umno sebagai alat untuk perjuangan bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi semua kaum dan ia adalah alat untuk perpaduan di negara ini.

"Ini selaras dengan konsep Umno yang dianggotai oleh kumpulan orang Melayu yang sederhana yang mahu mengekalkan hak orang Melayu tetapi tidak merebut hak orang lain," katanya.

Menurutnya, justeru itu setiap ahli parti perlu berjuang mengikut landasan mulia yang ditetapkan dengan memastikan setiap gerak-geri bahagian masing-masing dilaksanakan mengikut kehendak parti. Ini bagi mengelakkan berlaku sebarang penyelewengan.

Katanya, langkah itu penting bagi mewujudkan Umno sebagai parti yang kukuh dan berdisiplin dalam mencapai segala matlamat perjuangannya. Hanya parti yang kukuh akan berjaya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sehubungan itu semua ahli sama ada ahli biasa atau jawatankuasa perlu menyedari mereka menyertai Umno kerana mahu berjuang untuk parti dan bukan kepentingan diri.